



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/12/86 (HQ)

MELAKA MANFAAT SISTEM AMARAN BANJIR HASIL KERJASAMA TNBR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui anak syarikat milik penuhnya TNB Research Sdn Bhd (TNBR) meneruskan kerjasama dengan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) bagi menambah pemasangan sistem amaran banjir di bandar Melaka.

Selepas pemasangan di dua lokasi di Melaka pada 2020, Sistem Pemantauan Operasi Pam (SPOP) Advanced, hasil inovasi Kumpulan Kreatif dan Inovatif MBMB iaitu Ingenieria Crew dengan kerjasama TNBR serta syarikat Intel Microelectronic Sdn Bhd, akan dipasang di empat lagi lokasi di Melaka.

“TNBR menyumbang kepakarannya dalam memajukan sistem ini yang mula dipasang di Rumah Pam Kawalan Banjir Bunga Raya Pantai dan Rumah Pam Kawalan Banjir As Syakirin di Pulau Melaka pada 2017,” kata Pengarah Urusan TNBR, Ir. Dr. Mohd Fadzil Mohd Siam.

“Berikutan keberkesanan sistem itu, MBMB akan memasang sistem itu di empat lagi lokasi yang sering dilanda banjir iaitu di Sungai Udang, Kampung Morten, Jambatan Tan Kim Seng dan Pengkalan Rama yang dijangka siap pada 2022.”

Untuk rekod, laporan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia bagi tahun 2017 hingga Mac 2018 mencatatkan 22 kejadian banjir di negeri Melaka sepanjang tempoh itu.

Namun begitu, SPOP Advanced di Rumah Pam Kawalan Banjir Bunga Raya Pantai dan Rumah Pam Kawalan Banjir As Syakirin berjaya mengelak kawasan Banda Hilir daripada dilanda banjir.

SPOP Advanced menggunakan teknologi Internet Pelbagai Benda (Internet-of-Things - IoT) terkini untuk mengesan kenaikan paras air sungai dan laut, kerosakan pam, bekalan elektrik terputus, pemantauan kualiti udara dan operasi pam secara langsung.

Menerusi sistem pemantauan berasaskan awan (cloud-based monitoring) dengan kerjasama TNBR, amaran atau maklumat boleh disampaikan kepada MBMB sama ada secara panggilan telefon (dropped call) dan khidmat pesanan ringkas (sms) atau menerusi pemantauan dalam pelayar web.

Sebagai sistem yang membolehkan pemantauan dilakukan lebih efisien dan menjimatkan masa, ia mendapat pengiktirafan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dalam menangani bencana alam.

“Kaedah pemantauan melalui SPOP Advanced amat berguna terutamanya ketika kita melalui norma baharu pekerjaan dengan meminimakan keperluan interaksi fizikal di lokasi.

“Sudah tentu sistem ini memberi manfaat terbesarnya kepada penduduk Melaka kerana ia mampu mengesan kerosakan rumah pam dan mengurangkan bencana banjir daripada berlaku disebabkan kekurangan penyelenggaraan,” jelas Mohd Fadzil.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 Disember 2020, jam 11:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Sistem Pemantauan Operasi Pam (SPOP) Advanced, hasil inovasi Kumpulan Kreatif dan Inovatif MBMB iaitu Ingenieria Crew dengan kerjasama TNBR dan Intel Microelectronic, telah dipasang di Rumah Pam Kawalan Banjir As Syakirin di Pulau Melaka pada 2017.